

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**



RHB BANK BERHAD

No. Pendaftaran: 196501000373 (6171-M)

Tarikh :

1

Apakah yang ditawarkan oleh BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB?

BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB ialah pinjaman tidak bercagar dengan skim jaminan dan dikira berdasarkan kadar berubah-ubah.

2

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun pembiayaan anda : RM _____
- Ansuran bulanan anda : RM _____
- Tempoh pembiayaan anda: _____ tahun
- Kadar Faedah : _____ % setahun
- Margin pembiayaan : _____ %
- Kadar Pinjaman Asas Semasa (BLR)*: _____ %

Secara keseluruhan anda akan membayar RM _____ pada akhir _____ tahun.

*Nota:

- Faedah akan dikira pada rehat harian.
- Kadar Faedah bagi pinjaman ini mungkin berubah-ubah (disebabkan oleh BLR) dan akan berubah mengikut kesesuaian seperti yang diterbitkan oleh bank dari semasa ke semasa.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- **Duti Setem** : Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Semakan 1989).
- **Bayaran Pembatalan**: RM2,000.00 perlu dibayar kepada Bank sekiranya kemudahan yang diberikan dibatalkan pada bila-bila masa selepas penerimaan pinjaman (tertakluk kepada penyediaan dokumentasi undang-undang telah dimulakan) dan sebelum pengeluaran pinjaman pertama. Fi pembatalan tersebut boleh ditolak secara automatik daripada akaun anda dengan Bank mengikut budi bicara Bank dengan notis terlebih dahulu.
- **Premium Insurance**: Jika anda bersetuju untuk mengambil Perisai Pintar Peribadi (PSS) Plus untuk BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB, sebut harga akan diberikan kepada anda. Jumlah tersebut akan ditolak secara automatik daripada jumlah kelayakan anda.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani nya.



Bayar ansuran bulanan anda **tepat pada masanya dan sepenuhnya** semasa tempoh pembiayaan. Hubungi Bank jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** jika Kadar Polisi Semalaman (OPR) meningkat.



Hubungi Bank dengan segera, jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

NOTA PENTING:

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara umum, tanpa sebarang obligasi, dan adalah semata-mata untuk tujuan makluman sahaja. Kandungan ini adalah berdasarkan kepada beberapa andaian dan maklumat yang tersedia pada tarikh dokumen ini, yang kesemuanya tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai

3

Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

- Denda pembayaran lewat sebanyak 1% p.a. ke atas jumlah ansuran tertunggak akan dikenakan, menyebabkan jumlah tertunggak meningkat.
- Jika anda gagal membayar tiga (3) ansuran bulanan berturut-turut, kadar pinjaman boleh dinaikkan oleh Bank dengan notis bertulis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda.
- Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman ini, dengan notis bertulis awal tujuh (7) hari kalendar kepada anda.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal membalas notis peringatan. Keselamatan yang dicagarkan anda (harta/Simpanan Tetap) mungkin dirampas / dibubarkan dan anda perlu menanggung semua kos yang ditanggung berkaitan dengan perkara yang sama. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas harta anda telah dirampas.

- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit menjadi lebih sukar.
- Bank mempunyai hak untuk membatalkan pinjaman dengan notis bertulis terlebih dahulu dan meminta anda menyelesaikan pinjaman sepenuhnya jika anda, rakan kongsi anda atau peminjam bersama anda meninggal dunia (untuk pemilik tunggal dan perkongsian).

BLR mungkin meningkat disebabkan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Peningkatan dalam BLR bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Kadar	Jika BLR* = ____%* - 1.60% (sebaran) = ____%	Jika BLR* naik 1.00% = ____%
Ansuran Bulanan	RM	RM
Jumlah kos faedah pada akhir ____ () tahun	RM	RM
Jumlah amaun bayaran balik pada akhir ____ () tahun	RM	RM

Nota:

- Ilustrasi di atas menunjukkan jumlah ansuran bulanan anda apabila bermulanya pembayaran penuh. Bagi hartanah dalam pembinaan dan/atau akaun pinjaman yang belum selesai untuk pembayaran penuh, anda dijangka membayar faedah pada setiap bulan ke atas jumlah pinjaman tertunggak. Faedah akan dikira berdasarkan kadar pinjaman efektif semasa, atas baki harian, dan akan dicaj pada akhir bulan.

4 Lain-Lain Terma

- Apakah cagararan/sekuriti diperlukan untuk mendapatkan pinjaman?**
 - Dijamin oleh Penyedia Jaminan Kerajaan.
- Adakah saya/kami memerlukan penjamin?**
 - Ya, penjamin mestilah pengarah atau terlibat dalam pengurusan syarikat
- Bagaimana jika saya/kami menyelesaikan pinjaman sepenuhnya semasa penyelesaian awal dengan penalti?**
 - Tiada caj penyelesaian awal ke atas kemudahan ini. Oleh itu, tiada caj dikenakan ke atas penyelesaian awal kemudahan ini
- Adakah saya/kami memerlukan sebarang perlindungan insurans?**
 - Perisai Pintar Peribadi (PSS) Plus untuk BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB (polisi insurans tanpa penyertaan Premium Tunggal) adalah pilihan, tetapi anda digalakkan untuk mengambil sebagai perlindungan.

Nota:

Sebutharga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami untuk PSS Plus yang ditawarkan oleh panel pembekal insurans. Anda bebas menggunakan perkhidmatan pengendali penanggung insurans bukan panel. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam menginsuranskan nyawa anda, pelantikan penanggung insurans panel Bank adalah sangat digalakkan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai BizPower P.I.N.T.A.S Plus RHB anda, anda boleh:



Hubungi kami di talian:
03-9206 8118



Kunjungi kami di:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mel kami di:
customer.service@rhbgroun.com



Imbas kod QR di atas